



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**28 OKTOBER 2022 (JUMAAT)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGOLNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**28 OKTOBER 2022 (JUMAAT)**

# Negara tanggung kerugian RM23.8j

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**  
maszureen.hadzman@mediatunisia.com.my

**PETALING JAYA:** Kira-kira RM23.8 juta kerugian ditanggung kerajaan angkara aktiviti penyeludupan petrol dan diesel dalam tempoh lima tahun sejak 2018 sehingga Ogos lalu.

Kerugian itu tidak mustahil terus meningkat apabila sindiket terlibat menyasarkan stesen minyak tertentu untuk melakukan pembelian bahan api bersubsidi berkenaan secara berulang sebelum dijual semula ke negara jiran.

Modus operandi digunakan

sindiket adalah membeli petrol dan diesel menggunakan lori tangki yang diubah suai bagi mengisi bahan api berkenaan dengan jumlah yang tinggi.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, tangki itu mampu mengisi 1,000 sehingga 1,500 liter minyak diesel dan petrol dalam satu-satu masa.

Jelasnya, sindiket melakukan ubah suai dengan membuat tangki tambahan bagi membolehkan bahan api bersubsidi itu

disedut dalam jumlah tinggi.

"Kemudian bahan api bersubsidi itu dibawa dan dikumpul di stor-stor haram yang berbeza lokasi bagi mengaburi pihak berkuasa sebelum dijual dengan harga yang lebih tinggi di negara jiran," katanya di sini.

Menurutnya, sindiket terbabit semakin berani kerana ada pengusaha minyak di negeri-negeri bersempadan seperti Kelantan, Kedah dan Johor melonggarkan arahan Kementerian meletakkan mereka meletakkan notis amaran 'tidak boleh menjual Ron 95 atau diesel kepada warga asing'.

Jelasnya, ada pihak bersekolong dengan cara membenarkan sindiket membuat transaksi jualan yang sama berulang kali.

"Malah ada sindiket melakukan kegiatan haram itu dalam waktu tertentu contohnya 12 tengah malam ketika kurang pelanggan mengisi minyak di stesen terlibat," jelasnya.

Katanya, sejak 2018 sehingga Ogos lalu, 1,159 kes penyeludupan ditumpaskan membabitkan kerugian RM2.5 juta bagi petrol diikuti RM21.3 juta lagi penyelewengan melibatkan diesel.

"Bagi penyeludupan petrol,

kerugian tertinggi direkodkan adalah pada 2019 iaitu sebanyak RM1.17 juta diikuti Januari sehingga Ogos lalu (RM486,542) selain 2019 (RM346,863 juta); 2020 (RM271,188) dan 2021 (RM256,188).

"Kerugian bagi diesel pula, paling tinggi dicatatkan adalah 2019 dengan RM5.33 juta diikuti tahun lalu (RM3.45 juta) serta 2018 (RM2.54 juta) dan 2020 (RM1.97 juta). Namun kerugian bagi diesel dilihat terus meningkat dalam tempoh lapan bulan pertama apabila sebanyak RM8.05 juta kerugian dicatatkan," katanya.



**KEMENTERIAN** Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Terengganu memeriksa lori tangki minyak yang dirampas dalam operasi di sebuah stor pelupusan di Kampung Teluk Pasu, Manir. - **UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI**

Senarai Harga Barang Keperluan							
• Ayam	<b>RM4.99</b>	• Telur Gred A	<b>RM8.39</b>	• Gula Pasir	<b>RM2.95</b>	• Cili Merah	<b>RM7.99</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM35</b>	• Ikan Kembung	<b>RM7.99</b>	• Bawang Besar Holland	<b>RM2.89</b>	• Kubis Bulat Tempatan	<b>RM3.50</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM50.00</b>	• Minyak Masak	<b>RM5.25</b>	• Bawang Putih	<b>RM4.99</b>	• Tepung Gandum	<b>RM2.15</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

**BERITA ONLINE BERTARIKH 28 OKTOBER 2022**

<b>TARIKH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PAUTAN</b>	<b>MEDIA</b>
28-Oct	CERITA PAGI MELAKA: KPDNHEP MELAKA TINGKATKAN PENGUAT-KUASAAN	<a href="https://youtu.be/1JrpW7L3-KE">https://youtu.be/1JrpW7L3-KE</a>	BERITARTM
28-Oct	Rumah Seri Kenangan old folks receives contribution under KPDNHEP food bank programme	<a href="https://www.theborneopost.com/2022/10/27/rumah-seri-kenangan-old-folks-receives-contribution-under-kpdnhep-food-bank-programme/">https://www.theborneopost.com/2022/10/27/rumah-seri-kenangan-old-folks-receives-contribution-under-kpdnhep-food-bank-programme/</a>	THEBORNEOPOST